



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

SIARAN MEDIA

PROGRAM KONVOI MOTOSIKAL E.R.A.T RIDE EAIC, PENGUAT KUASA & MASYARAKAT

Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 23 September 2023 – Program Konvoi Motosikal *E.R.A.T (Encouraging Responsibility, Accountability, Trustworthiness) Ride* EAIC, Penguat Kuasa & Masyarakat anjuran Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) hari ini mendekati rakyat bagi membudayakan nilai-nilai integriti dan akauntabiliti penguat kuasa di samping mengeratkan jalinan kerjasama EAIC, agensi penguatkuasaan seliaan dan orang awam.

Acara pelepasan konvoi telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Asnawi Abu Hanipah, Pengarah Operasi EAIC melibatkan 92 peserta, bermula di Menara Usahawan, Putrajaya awal pagi tadi dan berakhir di Muzium Istana Lama Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada jam 11.00 pagi.

Konvoi tersebut melibatkan pegawai penguat kuasa di bawah agensi penguatkuasaan seliaan EAIC iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), ahli-ahli Kelab Motosikal MT15 (Lembah Klang), Triple S dan warga kerja Suruhanjaya itu.

Dalam ucapan perasmian di Seri Menanti, Negeri Sembilan, Tuan Mohd Asnawi berkata konvoi yang pertama kali diadakan oleh EAIC itu membawa peringatan dan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat agar menjauhi salah laku dan bersama-sama membendung ketirisan integriti perkhidmatan awam dengan melaporkan kepada EAIC.

“Selain itu program ini juga adalah selaras dengan matlamat EAIC untuk merakyatkan khidmat dan peranannya kepada pelbagai lapisan masyarakat serta mengukuhkan lagi sokongan terhadap usaha Kerajaan memerangi salah laku penguat kuasa dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap akauntabiliti serta mutu integriti perkhidmatan awam”.

Beliau turut memaklumkan EAIC melalui sesi libat urus bersama agensi-agensi penguatkuasaan seliaan pada tahun ini telah memberikan fokus utama terhadap agensi yang menjalankan operasi di pintu masuk sempadan negara. Sesi libat urus yang melibatkan sempadan perairan dan darat antara Malaysia-Thailand, Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei termasuk lawatan ke semua pintu masuk sempadan di seluruh negara itu dijangka akan selesai pada tahun ini dan laporan khas merangkumi semua perbincangan dan syor-syor penambahbaikan akan dipanjangkan kepada agensi penguatkuasaan yang terlibat untuk tindakan.

Dalam perkembangan lain, EAIC menerusi Kajian Berkaitan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Dalam Melaksanakan Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*] Di Perairan Negara kini sedang menjalankan beberapa siri lawatan serta pengauditan ke premis kedua-dua agensi tersebut di seluruh negara termasuk rondaan dan operasi serta soal selidik bersama pegawai di kedua-dua agensi itu, pihak NGO, nelayan dan orang awam.

Menurut Pengarah Bahagian Operasi EAIC itu, dalam melaksanakan fungsi yang berkaitan dengan perkembangan di atas, EAIC wajar diiktiraf sebagai badan yang penting bagi memastikan prinsip *check and balance* dalam usaha Kerajaan untuk menambahbaik mutu tadbir urus, akauntabiliti dan integriti institusi penguatkuasaan di negara ini.

Majlis pada hari ini turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Mohd Faizal Abdul Manap, Pegawai Daerah Kuala Pilah dan 250 orang penduduk tempatan termasuk ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, pegawai dan kakitangan agensi awam, badan bukan Kerajaan serta pelajar sekolah.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)
Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (*Fax*): 603-8880 5646
Laman Web (*Web*): www.eaic.gov.my

Program dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Pilah dan Jabatan Penerangan Malaysia itu turut membawakan aktiviti kaunter pameran interaktif oleh AADK, JPN, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Jualan Rahmah, Demonstrasi Masakan, Kesenian dan Kebudayaan Luak oleh Jabatan Muzium Malaysia dan Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

EAIC adalah sebuah badan berkanun Persekutuan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen bertanggungjawab memantau dan menjalankan siasatan terhadap aduan orang ramai mengenai salah laku penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

TEGAS TELUS EFISIEN